

TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN KARYA ABDUL HAYEI ABDUL SUKOR: ANALISIS RINGKAS METODE PENULISAN DAN PENTAFSIRAN

Siti Wahidah Mustapa

Lulusan Sarjana, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Muhd. Najib Abdul Kadir

Profesor, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Corresponding Author's Email: sitiwahidah795@gmail.com

Article history:

Received : 3 March 2022

Accepted : 17 October 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Tafsir Pedoman Muttaqin adalah sebuah karya tafsir bahasa Melayu kontemporari, dikarang oleh Abdul Hayei Abdul Sukor. Objektif kajian adalah meneliti secara ringkas latar belakang Abdul Hayei Abdul Sukor, seterusnya analisis secara ringkas juga dilakukan kepada kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* dari sudut pengenalan kitab, metode penulisan dan metode pentafsiran. Abdul Hayei Abdul Sukor dan karyanya *Tafsir Pedoman Muttaqin* dijadikan sebagai fokus kajian kerana, ia merupakan kitab tafsir kontemporari yang dihasilkan pada awal abad ke-21M, oleh seorang cendekiawan muslim terkemuka di Malaysia. Metode kajian menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, yang menggunakan analisis dokumen dalam proses pengumpulan data. Data-data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif, induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengarang menggunakan metode *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'yi al-mamduh* ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Pengarang juga lebih cenderung menyentuh isu-isu kemasyarakatan, terutamanya yang berkaitan secara langsung dengan individu atau dengan masyarakat serta turut mengambil kira pandangan ulama silam dan kontemporari yang terkenal di dunia Islam pada masa kini.

Kata kunci: Tafsir Pedoman Muttaqin, Abdul Hayei Abdul Sukor, metode penulisan, metode pentafsiran

INTERPRETATION OF THE MUTTAQIN GUIDE BY ABDUL HAYEI ABDUL SUKOR: A BRIEF ANALYSIS OF WRITING AND INTERPRETATION METHODS

ABSTRACT

Tafsir Pedoman Muttaqin is a work of contemporary Malay language interpretation, written by Abdul Hayei Abdul Sukor. The objective of the study is to briefly examine the background of Abdul Hayei Abdul Sukor, then a brief analysis is also done to the book Tafsir Pedoman Muttaqin from the point of view of book introduction, writing method and interpretation method. Abdul Hayei Abdul Sukor and his work Tafsir Pedoman Muttaqin were used as the focus of the study because it is a contemporary book of interpretation produced at the beginning of the 21st century, by a prominent Muslim scholar in Malaysia. The research method uses a qualitative research method, which uses document analysis in the data collection process. The collected data were analyzed descriptively, inductively and deductively. The results of the study show that the author uses the method of tafsir bi al-ma'thur and tafsir bi al-ra'yi al-mamduh when interpreting the verses of the Quran. The author is also more inclined to touch on social issues, especially those directly related to individuals or the community and also take into account the views of past and contemporary scholars who are famous in the Islamic world today.

Keywords: *Interpretation of the Muttaqin Guidelines, Abdul Hayei Abdul Sukor, writing method, interpretation method*

PENGENALAN

Sejarah membuktikan bahawa pentafsiran al-Quran sentiasa berkembang seiring dengan berkembangnya masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia. Lantaran itu, setiap generasi pasti akan lahir karya-karya tafsir baharu yang sesuai dengan kebutuhan dan kehendak generasi tersebut dengan tidak menyimpang dari agama Islam.

Pada awal abad ke-21 Masihi telah lahir *Tafsir Pedoman Muttaqin* karangan Abdul Hayei Abdul Sukor. Abdul Hayei Abdul Sukor adalah salah seorang cendekiawan muslim terkemuka di Malaysia dan pernah menerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul peringkat kebangsaan pada tahun 2011.

Adalah tidak wajar menganggap remeh segala usaha yang telah dilakukan oleh Abdul Hayei Abdul Sukor dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, penulisan ini akan menyentuh secara ringkas latar belakang Abdul Hayei Abdul Sukor, seterusnya analisis secara ringkas juga dilakukan kepada kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* dari sudut pengenalan kitab, metode penulisan dan metode pentafsiran.

RIWAYAT HIDUP

Kelahiran Dan Pendidikan

Nama penuh pentafsir ialah Abdul Hayei bin Abdul Sukor, dilahirkan pada hari Khamis 6 November 1947M di Pasir Mas, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. Seterusnya, beliau menyambung ke peringkat menengah di Maahad Muhammadi, Kota Bharu dan kemudiannya ke Dār al-^oUlūm, Deoband India. Beliau seterusnya mendalami bidang al-Quran dan al-Hadith di Universiti al-Azhar, Mesir dan memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang al-Quran dan al-Hadith. Seterusnya pada tahun 1987M beliau mendapat Ijazah PhD dalam bidang Hadis daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia (Mustaaffa 2009).

Kerjaya Dan Sumbangan

Abdul Hayei Abdul Sukor memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Usuluddin, Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), Nilam Puri. Seterusnya sebagai pensyarah di Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan menjawat jawatan sebagai Dekan Fakulti Usuluddin selama beberapa tahun (Abdul Hayei 2008).

Selain bertugas sebagai pensyarah, beliau juga merupakan salah seorang daripada Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Panel Kajian Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Dewan Ulama Majlis Agama Islam Kelantan, Ahli Majlis Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan lain-lain lagi (Abdul Hayei 2008).

Abdul Hayei Abdul Sukor juga seorang penulis yang produktif, beliau telah menghasilkan banyak buku dan artikel dalam pelbagai akhbar dan majalah di Malaysia. Kesarjanaan dan keilmuan beliau dalam bidang keilmuan Islam, terutamanya dalam pentafsiran al-Quran pasti memberi impak dan sumbangan yang amat besar kepada masyarakat Islam khususnya dalam mendidik anak-anak bangsa agar lahir menjadi generasi *qurānī* yang cinta kepada al-Quran.

Namun, setiap yang hidup pasti akan kembali kepada Sang pencipta. Begitulah ketentuan Allah s.w.t. kepada tokoh istimewa ini. Pada Tanggal 13 Safar 1442H bersamaan 1 Oktober 2020 hari khamis, Abdul Hayei Abdul Sukor telah menghembuskan nafas terakhirnya ketika berumur 73 tahun.

TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN

Pengenalan Kitab

Sebuah karya tafsir tidak akan lahir tanpa dorongan atau faktor tertentu yang mempengaruhi pentafsir untuk menyalurkan tafsirannya dalam bentuk tulisan. Justeru penghasilan kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* bertitik tolak daripada saranan mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad

Badawi menyarankan agar interpretasi terhadap isi kandungan al-Quran perlu sentiasa dinamik sejajar dengan keunggulan dan keistimewaan agama Islam. Rentetan daripada perkara tersebut, kajian dan beberapa sesi perbincangan telah diadakan. Pada akhirnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memberi mandat kepada Abdul Hayei Abdul Sukor untuk menyusun sebuah kitab tafsir sebagai pedoman kepada ummah dan demi ketinggian agama Islam di Malaysia (Mustaffa 2009). Di samping itu, kitab tafsir ini ditulis sebagai kesinambungan kepada tafsir *Pimpinan al-Rahman*, juga sebagai panduan kepada orang yang ingin mendapatkan pimpinan dan bimbingan.

Tafsir Pedoman Muttaqin juga dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia khususnya golongan pelajar yang ingin mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang tafsir, tetapi tidak berkemampuan merujuk kitab-kitab tafsir dalam bahasa Arab. Dalam masa yang sama, para penuntut pengajian tinggi, pengkaji dan pencinta ilmu turut berkesempatan memanfaatkan kitab tafsir ini sebagai wadah memperkayakan ilmu berkaitan al-Quran (Abdul Hayei 2010).

Menurut Wan Mohamad (2009) juzuk pertama *Tafsir Pedoman Muttaqin* telah dilancarkan pada 17 September 2008 oleh Yang Dipertuan Agong, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Sehingga kini, *Tafsir Pedoman Muttaqin* masih dalam proses penyelesaian dan akan diterbitkan sebanyak 30 juzuk al-Quran. Antara juzuk yang berjaya diterbitkan adalah juzuk 1, 2, 3, 4, 5, 6 serta juzuk 28 dan 29.

METODE PENULISAN

Kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* ini menggunakan pendekatan *tahlīlī* (tafsir secara analisis), iaitu menjelaskan kandungan ayat-ayat al-Quran dari seluruh aspek, sesuai dengan tertib surah dan ayat dalam mushaf, dari awal surah hingga akhir surah. Penjelasan yang diberikan termasuklah yang berkaitan dengan ayat tersebut, seperti menghuraikan maksud kalimat, sebab turun ayat, munasabah antara satu ayat dengan ayat lain, balaghah, hukum hakam dan sebagainya.

Hal ini terbukti setiap kali Abdul Hayei Abdul Sukor menafsirkan surah baharu, beliau akan menjelaskan nama surah, masa *nuzūl*nya, munasabah antara surah dengan surah sebelum ataupun surah selepasnya, dan munasabah antara ayat yang akan ditafsirkan dengan ayat sebelumnya. Hal ini bertepatan dengan pendapat Muhammad Qurash Shihab (2005) merumuskan munasabah dalam al-Quran terdiri daripada beberapa bahagian iaitu munasabah antara surah dengan surah, munasabah antara ayat dengan ayat dan munasabah antara kata dengan kata dalam satu surah.

Contoh munasabah antara surah dengan surah dapat dilihat ketika pengarang mentafsirkan surah al-Baqarah. Menurut pengarang, terdapat hubungan antara surah al-Baqarah dengan surah al-Fātiḥah. Dalam surah al-Fātiḥah ada doa untuk mendapatkan hidayah iaitu pada ayat ke-6. Doa tersebut mendapat perkenan Allah s.w.t. lalu ditunjukkan kepada pemohonnya jalan untuk mendapat hidayah iaitu pada ayat ke-2 surah al-Baqarah menerusi firman Allah s.w.t:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ٢

Maksudnya: *Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya). Ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa (al-Baqarah: 2).*

Manakala munasabah antara kelompok ayat yang akan ditafsir dengan kelompok ayat yang telah ditafsirkan sebelumnya dapat dikesan pada firman Allah s.w.t:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ
مِنَ الْكٰفِرِينَ ٣٤

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat, “tunduklah (berilah hormat) kepada Nabi Adam”. Lalu mereka sekeliannya tunduk memberi hormat melainkan iblis, ia enggan dan takbur, dan jadilah ia dari golongan yang kafir (al-Baqarah: 34)*

Pengarang mengatakan ayat ini mempunyai kaitan dengan ayat sebelumnya. Jika ayat sebelum ini menyatakan dialog yang berlaku antara Allah s.w.t. dengan malaikat untuk menjadikan Nabi Adam a.s. sebagai khalifah di bumi, ayat ke-34 ini pula menceritakan kisah iblis yang enggan menurut perintah Allah s.w.t. supaya sujud kepada Nabi Adam a.s. bersama dengan malaikat yang lain. Iblis bertindak demikian kerana sifat sombongnya, walaupun Allah s.w.t. telah membuktikan kelebihan Nabi Adam a.s dalam satu ujian yang disaksikan sendiri oleh iblis (Abdul Hayei 2010, 1: 134).

Seterusnya, untuk memudahkan para pembaca, Abdul Hayei mentafsirkan ayat secara kelompok yang berasingan. Kemudian meletakkan beberapa tajuk khas berdasarkan kandungan ayat yang akan ditafsirkan. Pada akhir kupasan kelompok ayat yang ditafsirkan pengarang menyertakan saranan dan pengajaran sebagai intisari daripada ayat yang baru sahaja ditafsirkan.

Dalam menghuraikan ayat al-Quran berkenaan dengan isu-isu global seperti jihad, Islam Liberal dan sebagainya pengarang mencari dan memilih pendekatan sederhana antara pendapat ulama silam dan semasa (Wan Mohamad, 2009 dan Norhasnira, 2013) seperti Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, Sayid Quṭub, Wahbah al-Zuḥaylī, Sheikh Mutawallī al-Shaʿrāwī, Dr. Yusuf al-Qaradāwī, Dr. Muhammad Sayid Ṭanṭawī, Syeikh Faisal Mawlāwī yang begitu terkenal di dalam dunia Islam pada masa kini.

Pengarang juga lebih cenderung menyentuh isu-isu kemasyarakatan, terutamanya yang berkaitan secara langsung dengan individu atau dengan masyarakat (Abdul Hayei 2010). Kemudian, pengarang turut mengemukakan

fahrasāt hadis dan *fahrasāt* syair yang diletakkan pada akhir setiap juzuk kitab. Inilah antara keistimewaan *Tafsir Pedoman Muttaqin* berbanding kitab tafsir lain. Manakala metode terperinci yang digunakan oleh Abdul Hayei pula akan dibincangkan pada perbincangan berikut berserta contoh secara umum.

METODE PENTAFSIRAN

Dalam kajian Wan Mohamad (2009) menyimpulkan bahawa metode yang digunakan oleh Abdul Hayei dalam menghasilkan kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* adalah dengan menggunakan metode *tafsir bi al-ma'thūr* dan *tafsir bi al-ra'yī al-mamdūh*.

Metode Tafsir Bi Al-Ma'thūr

1. Mentafsirkan Al-Quran Dengan Al-Quran

Abdul Hayei dalam karyanya *Tafsir Pedoman Muttaqin* mentafsirkan ayat al-Quran dengan menggunakan ayat al-Quran. Contohnya ketika pengarang mentafsirkan firman Allah s.w.t:

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ اعْتَدَوْا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ

٦٥

Maksudnya: *Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang-orang di antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari sabtu, lalu kami berfirman kepada mereka: 'Jadilah kamu kera yang hina' (al-Baqarah: 65).*

Ayat di atas menceritakan peristiwa penceroohan Bani Israel terhadap undang-undang dan bukti ketidakpatuhan Bani Israel terhadap perintah Allah s.w.t. Ketika mentafsirkan ayat ini, pengarang telah mendatangkan ayat yang lain bagi menjelaskan bahawa kisah pelanggaran undang-undang hari sabtu ini dibicarakan juga dalam ayat yang lain melalui firman Allah s.w.t:

وَسَلِّمْهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ

تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ

نَبَلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ١٦٣

Maksudnya: *Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di tepi laut, semasa mereka melanggar (larangan) pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu ikan-ikan (yang*

menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di permukaan air, sedangkan pada hari-hari lain, ikan-ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasik (al-A'raf: 163).

2. Mentafsirkan al-Quran dengan Hadis

Selain menggunakan ayat-ayat al-Quran, Abdul Hayei juga menggunakan hadis Nabi s.a.w. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Sebagai contoh, ketika pengarang mentafsirkan firman Allah s.w.t:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِي الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَجْعَلْ فِيْهَا مَنْ يُّفْسِدُ فِيْهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ
قَالَ اِنِّيْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ ۝۳۰

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seseorang khalifah di bumi”. mereka bertanya, (tentang hikmah ketetapan tuhan itu dengan berkata) ‘Adakah engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan) padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujimu dan mensucikanmu?’ Tuhan berfirman: Sesungguhnya aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya”* (al-Baqarah: 30).

Ayat di atas menjelaskan kehendak Allah s.w.t. untuk melantik manusia sebagai khalifah-Nya di bumi. Tetapi asal penciptaannya bukan di bumi, baginda dicipta di tempat lain, dibawa ke sini setelah sempurna penciptaannya. Peristiwa ini dinyatakan juga dalam sebuah hadis bahawa Nabi Adam a.s. dicipta di dalam syurga. Hadis tersebut berbunyi:

اَنَّ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَمَّا صَوَّرَ اللّٰهُ اٰدَمَ فِي الْجَنَّةِ تَرَكَهُ مَا شَاءَ اللّٰهُ اَنْ يَّتْرَكَهُ فَجَعَلَ اِبْلِيسَ يُطِيْفُ بِهِ يَنْظُرُ مَا هُوَ فَلَمَّا رَاَهُ اَجْوَفَ عَرَفَ اَنَّهُ خُلِقَ خَلْقًا لَا يَتَمَالَكُ.

Maksudnya: *Bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Setelah Allah s.w.t. membentuk lembaga Adam di dalam syurga, dibiarkan untuk tempoh masa yang dikehendaki-Nya, Iblis pun mengelilinginya untuk melihat apa sebenarnya kejadian ini. Setelah dilihatnya (makhluk ini) mempunyai rongga, dia pun*

faham bahawa makhluk ini tidak dapat mengawal dirinya daripada pengaruh hawa nafsu. (Muslīm, al-Birr wa al-Silah, Khuliqa al-Insān Khalqan la Yatamālak, bil. 4727) (Abdul Hayei 2010, 1: 123-124).

Berkenaan dengan penulisan Abdul Hayei, hadis-hadis yang terdapat dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* dinyatakan oleh pengarang dengan pelbagai bentuk. Terdapat hadis yang disertakan dengan *takhrīj* secara ringkas berkenaan dengan nama perawi, kitab, bab dan nombor hadis. Terdapat pula hadis yang hanya dikemukakan matannya sahaja tanpa sanad. Bahkan ada juga dinyatakan hadis tanpa dikemukakan sumber rujukannya dengan jelas. Namun yang menariknya, pada akhir perbahasan kitab ini, pengarang mengemukakan *fahrasāt* hadis bagi memudahkan carian terhadap hadis-hadis tersebut. Inilah salah satu keistimewaan *Tafsir Pedoman Muttaqin* berbanding dengan kitab-kitab tafsir bahasa Melayu yang lain.

3. Tafsir al-Quran dengan Pendapat Sahabat r.a.

Abdul Hayei juga turut menukilkan pendapat sahabat ketika mentafsirkan al-Quran. Hal ini dapat dilihat ketika beliau mentafsirkan firman Allah s.w.t:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ
مِنَ الْكَافِرِينَ ٣٤

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat, "tunduklah (berilah hormat) kepada Nabi Adam". Lalu mereka sekeliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis, ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir* (al-Baqarah: 34).

Ketika mentafsirkan ayat ini, pengarang telah mengemukakan pandangan Ibn ʿAbbās dan Ibn Masʿūd berkenaan dengan definisi Iblis. Jelas beliau:

"Mufasirin berselisih pendapat, adakah Iblis daripada jenis malaikat atau bukan daripada jenis malaikat. Keterangan-keterangan yang dipetik daripada Ibn ʿAbbās dan Ibn Masʿūd menyatakan Iblis itu adalah dari salah satu suku malaikat dipanggil jin dan dijadikan daripada api yang sangat panas, sedangkan malaikat dijadikan daripad nur. Nama asal Iblis ialah Azazil, tergolong dalam pegawai tinggi malaikat, dan bertugas selaku pegawai penyelia syurga merangkap pentadbir urusan langit dan bumi" (Abdul Hayei 2010, 1: 138).

METODE TAFSĪR BI AL-RA'YĪ AL-MAMDŪH

Abdul Hayei juga turut mentafsirkan al-Quran dengan akal atau disebut juga dengan *tafsīr bi al-ra'yī al-mamdūh*. Iaitu memahami al-Quran berdasarkan pengetahuan bahasa Arab yang dimiliki oleh setiap mufassir sama ada dari segi pengetahuan, syarat-syarat mufassir, akhlak dan sebagainya. Antara contoh *tafsīr bi al-ra'yī al-mamdūh* dalam kitab ini ialah:

1. Menggunakan Pendapat Sendiri

Contohnya ketika pengarang mentafsirkan firman Allah s.w.t:

يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَارَهُمْ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ
قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ ۝ ٢٠

Maksudnya: *Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka. Tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya) mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya). Dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dihilangkan-Nya pendengaran dan penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu (al-Baqarah: 20).*

Ketika mentafsirkan ayat di atas, pengarang telah menjelaskan pernyataannya yang menggambarkan tentang keadaan orang mukmin dan orang munafik. Pernyataan beliau ialah:

"Ayat ini secara tidak langsung menyatakan orang mukmin mengambil manfaat daripada sinaran wahyu yang cerah bagaikan kilat memancar, mereka memegang sinaran itu dan membawanya berjalan ke mana-mana sahaja tanpa risau sekalipun gelap malam dan ketika hujan ribut. Lain halnya dengan orang munafik yang gagal berinteraksi dengan wahyu yang bagaikan kilat itu. Mereka hanya mendapat cahaya ketika kilat memancar sekelip mata kemudian gelap kembali, mereka terus sesat kerana tiada cahaya lagi selain cahaya kilat yang hanya datang menyambar" (Abdul Hayei 2010, 1: 92-93).

Pernyataan ini menunjukkan Abdul Hayei mentafsir ayat menggunakan akal dan pendapat beliau sendiri. Namun begitu, selepas mentafsirkan ayat dengan menggunakan pandangan sendiri, beliau juga mendatangkan ayat al-

Quran atau hadis bagi menyokong pendapatnya. Walau bagaimanapun, tidak semua pendapat yang beliau nyatakan disokong dengan ayat ataupun hadis.

2. Menjelaskan Maksud Kalimat

Selain itu, dalam keadaan tertentu Abdul Hayei turut menjelaskan makna kalimat yang digunakan dalam ayat. Penjelasan makna dilakukan bagi memudahkan pembaca memahami sesuatu kalimat dengan lebih jelas. Sebagai contoh ketika pengarang mentafsirkan firman Allah s.w.t:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَشًّا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً ۖ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ
مَاءً ۖ فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا ۖ لَكُمْ فِيهَا لَبَدٌ مِثْلُ خَضِرٍ ۖ وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ ۚ

Maksudnya: *Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan diturunkan air hujan dari langit lalu dikeluarkannya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu, maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah s.w.t. sebarang sesuatu, pada hal kamu semua mengetahui (bahawa Allah s.w.t. ialah Tuhan yang Maha Esa) (al-Baqarah: 22).*

Abdul Hayei mentafsirkan kata *فِرَاشًا* dalam ayat di atas dengan hamparan. Seperti kata pengarang:

“فِرَاشًا ertinya hamparan. Biasanya hamparan adalah sesuatu yang merehatkan. Ia digunakan sebagai pengalas belakang ketika rehat dan ketika tidur. Bumi pada hakikatnya hamparan yang merehatkan kerana dibekalkan padanya air, angin, bulan, bintang yang semuanya itu mendatangkan kerehatan kepada penghuni di dalamnya” (Abdul Hayei 2010, 1: 98).

3. Memasukkan Pengajaran dan Saranan

Salah satu aspek yang ditonjol oleh Abdul Hayei dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* ialah memasukkan pengajaran dan saranan pada setiap akhir kelompok ayat yang ditafsirkan. Sebagai contoh, Abdul Hayei mengemukakan empat pengajaran dan saranan selepas mentafsirkan surah al-Baqarah ayat 17 hingga ayat 20, sebagaimana kenyataan beliau berikut ini :

Pengajaran Dan Saranan

1. Al-Quran menyatakan sikap buruk kaum munafik yang sentiasa mencari peluang untuk memusnahkan umat Islam dari dalam. Dua bandingan dalam ayat di atas membayangkan betapa resahnya hidup mereka yang menyimpan sikap munafik ini dan betapa buruknya hati mereka terhadap Islam dan umatnya.
2. Keresahan kaum munafik lebih nyata lagi, apabila Islam berkembang bagaikan kilat yang membawa hidayah kepada orang mukmin yang cintakan hidayah, sementara kaum munafik kekal dalam gelap dan tidak tahu ke mana mereka akan pergi.
3. Islam menggalakkan penggunaan perkataan perbandingan ketika membuat sesuatu ulasan kerana dengan cara ini lebih membantu ke arah kefahaman yang lebih jelas dan sempurna.
4. Al-Quran mampu menghidupkan hati dan jiwa yang kering sebagaimana air hujan dapat membasahi bumi yang tandus” (Abdul Hayei 2010, 1: 93-94).

Metode ini merupakan ciri khusus pentafsiran Abdul Hayei dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sekali gus membezakan karya beliau dengan karya tafsir bahasa Melayu yang lain. Dengan adanya pentafsiran seperti ini lebih memudahkan para pembaca untuk mengetahui intisari kandungan ayat yang telah ditafsirkan.

RUMUSAN

Abdul Hayei Abdul Sukor adalah seorang mufasir Melayu masa kini, di samping seorang penulis yang produktif dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang tafsir al-Quran. Kewibawaan beliau dalam bidang pentafsiran al-Quran terbukti dengan munculnya kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* iaitu sebuah kitab tafsir Melayu kontemporari yang memiliki ciri khas tersendiri dan dipaparkan dengan kupasan yang menarik serta mudah difahami oleh masyarakat awam. Isi kandungan dan pesan-pesannya pula wajar dijadikan pedoman hidup sesuai dengan namanya *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Antara ciri khas yang terdapat dalam kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* ini ialah menggunakan pendekatan *tahlīlī* (tafsir secara analisis) manakala metode pentafsiran yang digunakan adalah metode *tafsīr bi al-ma'thūr* dan *tafsīr bi al-ra'y al-mamdūh*. Setiap akhir kelompok ayat yang ditafsirkan diakhiri dengan pengajaran dan saranan sebagai intisari kepada ayat yang dibincangkan. Pengarang juga mengemukakan *fahrasāt* hadis dan *fahrasāt* syair di akhir setiap juzuk kitab. Hal ini merupakan ciri khusus yang membezakan kitab beliau dengan kitab-kitab tafsir bahasa Melayu yang lain.

Jelaslah bahawa ulama dan cendekiawan Islam telah banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan tafsir di Malaysia. Mereka bergiat aktif menulis karya-karya tafsir untuk memberikan kemudahan kepada umat Islam di Malaysia untuk mempelajari, memahami dan mengamalkan apa yang terkandung

Tafsir Pedoman Muttaqin Karya Abdul Hayei Abdul Sukor:
Analisis Ringkas Metode Penulisan Dan Pentafsiran
Siti Wahidah Mustapa & Muhd. Najib Abdul Kadir

di dalam al-Quran. Sehingga tidak ada lagi alasan bagi umat Islam untuk tidak membaca dan memahami al-Quran. Usaha yang dilakukan oleh Abdul Hayei Abdul Sukor ini juga akan memberikan manfaat kepada generasi kini dan akan datang di samping memperbanyakkan khazanah dan kepustakaan tafsir dalam bahasa Melayu di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Hayei Abdul Sukor. 2010. *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Putrajaya: jabatan Kemajuan Dlm. Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah. *Khazanah Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara*, hlm. 33-44. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Qurash Shihab. 2005. *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norhasnira Ibrahim. 2013. The Evolution of Quranic Interpretation writings in Malaysia from the 17th to 21st Century. *International Journal of Education and Research* 1 (7): 1-9.
- Wan Mohamad Sheikh Abdul Azizi. 2009. Sumbangan Dalam Perkembangan Al-Quran dan Hadis di Nusantara: Tumpuan dan Peranan JAKIM Terhadap Penghasilan Karya. Islam Malaysia (JAKIM).